

Bantu selepas dapat senarai

BH 1/2

JOHOR BAHRU: Wang ihsan Kerajaan Pusat sebanyak RM900 untuk setiap keluarga mangsa banjir di Johor akan hanya diberi selepas kerajaan negeri menerima senarai muktamad yang disahkan wakil rakyat dan pemimpin masyarakat di kawasan masing-masing.

Setakat ini, 32,900 keluarga banjir pertama sudah menerima RM200 yang dibayar secara berperingkat sejak akhir Disember, manakala 15,386 keluarga belum menerimanya.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata senarai lengkap yang telus menerusi pengehsahan wakil rakyat, pegawai daerah, penghulu dan ketua kampung mangsa banjir pertama akan diketahui akhir minggu ini.

Senarai bagi mangsa gelombang banjir kedua akan dimuktamadkan pada minggu pertama Februari. Hasil bancian terakhir mangsa banjir pertama setakat ini merekodkan 48,286 keluarga memabitkan lebih 200,000 orang.

"Senarai lengkap ini dihantar kepada Kerajaan Pusat dan jumlah bantuan yang akan dikeluarkan berdasarkan jumlah dalam senarai itu. Kita perlu dapatkan senarai paling lengkap dan telus serta memastikan tiada nama tercicir atau bertindih," katanya semalam.

FAKTA NOMBOR

Wang ihsan mangsa banjir

RM900

Setiap keluarga

48,286

Keluarga terbabit